

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]**

**TARIKH : 21 JULAI 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan impak terhadap penambahan laluan penerbangan dan penerbangan kadar tetap bagi Kuala Lumpur-Sibu dan Johor-Sibu pada musim perayaan Tahun Baru Cina pada tahun 2020 jika dibandingkan dengan tahun 2019 dan apakah rancangan Kerajaan untuk memastikan harga tiket penerbangan domestik Maswings/AirAsia juga lebih rendah/mampu dibeli oleh mereka yang ingin balik ke kampung pada musim perayaan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, penetapan tambang penerbangan domestik oleh syarikat-syarikat penerbangan negara adalah berdasarkan kepada rasionalisasi sektor perkhidmatan udara domestik pada tahun 2006. Dalam hal ini, Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa syarikat-syarikat penerbangan negara yang menyediakan perkhidmatan udara domestik diberikan kebebasan dalam menentukan liputan rangkaian (*network coverage*), kekerapan penerbangan dan kadar tambang yang ingin ditawarkan berdasarkan permintaan pasaran.

Kerajaan sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan negara untuk meningkatkan kapasiti penerbangan semasa musim-

musim perayaan khususnya di laluan-laluan yang mempunyai permintaan yang tinggi.

Berdasarkan pemantauan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) berdasarkan penambahan kapasiti penerbangan, adalah didapati bahawa harga tambang perjalanan musim Tahun Baru Raya Cina pada tahun 2020 bagi laluan Kuala Lumpur-Sibu yang dikendalikan oleh MAB telah menurun antara 13% ke 43% berbanding harga tambang musim Tahun Baru Raya Cina tahun 2019. Manakala bagi penerbangan yang dikendalikan oleh AirAsia, harga pada Tahun Baru Cina 2020 adalah antara 36% ke 56% lebih tinggi berbanding harga musim Tahun Baru Raya Cina 2019.

Selanjutnya, bagi laluan Johor Bahru-Sibu, yang dikendalikan oleh AirAsia, harga tambang perjalanan musim Tahun Baru Raya Cina pada tahun 2020 adalah 13% lebih rendah berbanding harga tambang musim Tahun Baru Raya Cina tahun 2019.

Bagi maksud penetapan harga tambang domestik di Sabah dan Sarawak yang ditawarkan oleh AirAsia, harga tiket penerbangan ditentukan menggunakan kaedah dinamik (*dynamic pricing mechanism*) yang antara lain mengambil kira kadar penawaran dan permintaan (*supply and demand*) yang didorong oleh pasaran (*market driven*). Syarikat-syarikat penerbangan negara akan menetapkan kadar tambang penerbangannya dengan mengambil kira permintaan pasaran, keadaan ekonomi serta faktor-faktor lain seperti harga bahan api dan kos operasi.

Kadar tambang yang dikenakan oleh syarikat MASwings ke kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan siling yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Harga siling yang ditetapkan ini adalah tidak termasuk dengan bayaran lain seperti cukai, yuran dan caj.

Sekian, terima kasih.